

'Tidak bagus pilihanraya awal
hanya kerana yakin boleh menang'

BIAR CUKUP 5 TAHUN - MAHATHIR

SEREMBAN 24 Feb. — **Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan kerajaan tidak akan mengadakan pilihanraya semamata kerana yakin akan menang tetapi biarlah mencukupi tempoh lima tahun bagi setiap pilihanraya.**

Tegasnya, ini kerana adalah tidak bagus kerajaan mengadakan pilihanraya itu sebegini awal setelah nampak tanda-tanda ia akan menang.

"Kita bukan menggunakan pilihanraya ini untuk main-main kerana sesuatu pilihanraya itu diadakan lima tahun sekali bagi menggenapkan jangka masa penubuhan sebuah kerajaan," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata demikian kepada para pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan

Mn.M 25 FEB 1990
Nasional (BN) negeri di sini pagi ini.

Presiden UMNO itu menjelaskan bahawa beliau masih lagi memikirkan tarikh yang sesuai untuk mengadakan pilihanraya kerana ia masih ada masa iaitu sebelum Oktober 1991.

Beliau menambah, kerajaan BN sudah bersedia untuk menghadapi pilihanraya pada bila-bila masa sahaja yang akan ditentukan pada suatu tarikh yang sesuai.

"Banyak orang berkata pilihanraya akan diadakan tidak lama lagi kerana keadaan ekonomi negara telah pulih, rakyat hidup dengan baik, keadaan politik negara tenang dan sebagainya tetapi saya tidak pasti bila kerana masa masih ada," ujarnya.

Menyentuh mengenai calon BN untuk pilihanraya kelak, Pengerusi BN itu juga berkata, adalah terlalu awal untuk menetapkan calon-calon tersebut.

Mengenai hubungan Kerajaan Pusat dengan Sabah berikutan penangkapan Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Dr. Jeffry Kitingan bersabit tuduhan rasuah, Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan keadaan itu tidak menjejaskan hubungan kedua-dua pihak.

"Baru dua hari lalu, Ketua Menteri Sabah, Datuk Sri Pairin Kitingan datang bertemu saya di pejabat dan tidak ada sebarang masalah yang timbul," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya masalah yang timbul di Sabah bukanlah ditimbulkan oleh parti yang memerintah tetapi berpunca daripada individu yang sengaja menimbulkan per-

LIHAT MUKA 6

Blar cukup 5 tahun - Mahathir

Mn.M 25 FEB 1990

asaan anti Kerajaan Persekutuan.

Mengenai perletakan senjata Parti Komunis Malaya (PKM) baru-baru ini pula, katanya, buat masa ini tentera kita masih belum dapat mengeluarkan kesemua jerangkap samar yang dipasang di sempadan negara.

Bagaimanapun, katanya, usaha-usaha untuk menentukan lokasi dan mengeluarkan jerangkap samar itu sedang dijalankan oleh pihak tentera.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga memberitahu, pemimpin-pemimpin PKM secara umumnya tidak berada di kawasan Malaysia.

Mengenai rungutan se-

setengah pihak termasuk parti politik berhubung proses pengiraan undi dan penguatkuasaan keputusan terutama dalam pilihanraya kecil, yang memakan masa terlalu panjang, Perdana Menteri berkata jika ada sebarang cadangan daripada pihak yang berkenaan, kerajaan akan membentangkan rang undang-undang mengenai-nya di Parlimen.